



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI)
TINGKAT 1-7 (PODIUM),
BLOK 2G4, PRECINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN

Telegram : 'IMMCONTROL'
Telefon : 03-88801000
Fax : 03-88801200
Laman Web : <http://www.imi.gov.my>



"BERSAMA MEMPERKASA KHEDN"

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: IM.101(S)HQ-G/862/1

Tarikh: **25** Ogos 2006

Semua Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat
Semua Pengarah Jabatan Imigresen Negeri
Semua Ketua Pejabat Imigresen Cawangan/Pos Negeri
Semua Atase Imigresen di Luar Negara
Semua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut
Penasihat Undang-Undang

Y. Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING IMIGRESEN MALAYSIA BIL. 32 TAHUN 2006

**KEMUDAHAN " VISA ON ARRIVAL " KEPADA WARGANEGARA ASING
YANG INGIN MELANCONG KE MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi kemudahan " Visa On Arrival " kepada warganegara asing yang ingin melancong ke negara ini.



MS ISO 9001 2000 REG. NO: AR 3344

(Sila nyatakan rujukan surat Jabatan ini apabila berhubung)

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini kemudahan "Visa On Arrival" telah diberi kepada warganegara asing yang mempunyai visa masuk ke Singapura atau Thailand melalui Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 1 Tahun 2004 bertarikh 9 Februari 2004. Kemudahan ini hanya dikeluarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor sahaja.

ARAHAN BARU

3. Sebagai usaha kerajaan untuk menarik dan meningkatkan bilangan pelancong asing ke negara ini maka kerajaan telah memutuskan supaya kemudahan "Visa On Arrival" diberikan kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk melancong ke Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
 - (i) Dikhaskan bagi tujuan melancong sahaja bagi tempoh 30 hari dan lanjutan tidak dibenarkan ;
 - (ii) Mengemukakan "Confirmed Return Ticket" ; dan
 - (iii) Pintu Masuk yang dibenarkan mengeluarkan kemudahan ini ialah:
 - (a) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang;
 - (b) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
 - (c) Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor;
 - (d) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak;
 - (e) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah;dan
 - (f) Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor.

4. Kemudahan "Visa On Arrival" ini juga diberi kepada semua warganegara Negara-Negara Afrika termasuk yang tersenarai seperti di para 5.1 yang mempunyai permit kerja yang sah di Singapura.

**WARGANEGARA ASING YANG TIDAK BOLEH DIBERI KEMUDAHAN
"VISA ON ARRIVAL"**

5. Kemudahan "Visa On Arrival" ini tidak boleh diberi kepada:

5.1 Warganegara Negara-Negara Afrika seperti berikut:

- (i) Angola
- (ii) Burkina Faso
- (iii) Burundi
- (iv) Cameroon
- (v) Central African Republic
- (vi) Cote d'Ivoire
- (vii) Republik Congo
- (viii) Democratic Republic of Congo
- (ix) Djibouti
- (x) Equatorial Guinea
- (xi) Eritrea
- (xii) Ethiopia
- (xiii) Guinea-Bissau
- (xiv) Ghana
- (xv) Liberia
- (xvi) Mali
- (xvii) Mozambique
- (xviii) Niger
- (xix) Nigeria

- (xx) Rwanda
- (xxi) Western Sahara
- 5.2 Warganegara Israel
- 5.3 Warganegara Republic of Serbia
- 5.4 Warganegara Republic of Montenegro
- 5.5 Colombia

KADAR BAYARAN

6. Semua pintu-pintu masuk yang mengeluarkan "Visa On Arrival" hendaklah mengenakan bayaran sebanyak RM100.00 mengikut Akta Fi 1951 (Perintah Fi (Visa) Pindaan 2006).

PIAGAM PELANGGAN

7. "Visa On Arrival" ini hendaklah dikeluarkan serta merta.

KUASA MELULUS

8. Timbalan Penolong Pengarah Imigresen dan ke atas yang bertugas di pintu-pintu masuk seperti di para 3 (iii) sahaja adalah diberi kuasa untuk meluluskan permohonan ini.

PINDAAN

- 9.1 Pekeliling Imigresen Malaysia Bil.1 Tahun 2004 adalah dibatalkan.
- 9.2 Pelancong-pelancong yang datang secara berkumpulan (*Group Tour*) seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Imigresen Malaysia

Bil. 11 Tahun 1999, Bil. 32 Tahun 2001 dan Bil. 38 Tahun 2001 hendaklah diberi kemudahan Pas Lawatan Sosial dari 14 hari kepada 30 hari.

AM


10. Kemudahan Imigresen yang diberikan masih tertakluk kepada syarat-syarat kawalan Imigresen yang sedia ada.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 September 2006.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA, AMANAH DAN TEGAS"
"KHIDMAT DENGAN SENYUMAN"

Saya yang menurut perintah,



(RAJA AZAHAR BIN RAJA ABDUL MANAP)
Ketua Pengarah Imigresen
MALAYSIA.

s.k Ketua Setiausaha
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Aras 5, Blok D2, Parcel D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA.